

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]
TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan dengan jelas garis masa untuk 5G 'roll-out' mengikut negeri masing-masing di Malaysia dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kawasan di luar bandar tidak diabaikan dalam 'roll-out' ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah JENDELA, satu perancangan berfasa bagi menambahbaik infrastruktur digital negara adalah seperti berikut :

- a. JENDELA Fasa 1 yang bermula pada September 2020 sehingga penghujung tahun 2022 akan memberi fokus kepada peluasan liputan gentian optik dan pembangunan infrastruktur digital termasuk penamatan rangkaian 3G secara berperingkat sehingga akhir tahun 2021 untuk pemantapan rangkaian 4G serta memperkukuhkan asas bagi rangkaian 5G; dan
- b. JENDELA Fasa 2 yang dirancang bermula 2023 pada asalnya turut merangkumi pelaksanaan teknologi 5G. Namun, setelah mengambil kira kepentingan 5G terhadap Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital), Kerajaan mempercepatkan pelaksanaan 5G ke suku keempat 2021. Kerajaan juga telah mengenalpasti keperluan spektrum yang berkaitan bagi membolehkan rangkaian

ini dapat dibina dengan segera.

Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil keputusan supaya satu syarikat tujuan khas (SPV) di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Digital Nasional Berhad (DNB), dilantik sebagai penyedia tunggal infrastruktur dan rangkaian 5G di seluruh negara. Pendekatan penyedia tunggal ini membolehkan penyedia-penyedia perkhidmatan 4G sedia ada terus menumpukan pelaburan kepada penaiktarafan infrastruktur dan rangkaian 4G dan gentian optik untuk manfaat pengguna. Pendekatan ini juga memastikan bahawa pelaksanaan 5G dapat diawalkan, bermula hujung tahun 2021.

DNB akan membangunkan rangkaian 5G dan memberikan perkhidmatan 5G secara pukal kepada pengendali perkhidmatan lain. Pendekatan ini akan membolehkan pemegang lesen lain dapat memberikan perkhidmatan 5G secara runcit kepada para pengguna dan perniagaan, seterusnya merangsang inovasi perkhidmatan 5G pada masa hadapan.

Pembangunan rangkaian 5G akan dijalankan secara berperingkat bermula penghujung 2021 di Putrajaya, Cyberjaya dan Kuala Lumpur. Ia akan diperluaskan ke kawasan lain di seluruh negara, bermula tahun 2022. Dalam perkara ini, syarikat DNB telah menasaskan sehingga 80% kawasan berpenduduk di seluruh negara akan mendapat liputan 5G pada tahun 2024.

Dalam masa yang sama, pelan JENDELA menasaskan liputan perkhidmatan 4G di kawasan berpenduduk dipertingkatkan kepada 96.9% dengan purata kelajuan muat turun 35Mbps pada penghujung tahun 2022. Liputan perkhidmatan 4G yang meluas ini akan membantu pelaksanaan 5G serta penerimaan perkhidmatan baharu ke seluruh negara.

Perancangan terperinci sedang dilakukan oleh DNB bersama-sama pemberi perkhidmatan mudah alih yang lain untuk membolehkan liputan dan perkhidmatan yang akan diberikan mengambilkira keperluan mereka. Perkara ini akan dimuktamadkan sebelum penghujung tahun 2021.